

KEMELUT POLITIK SELATAN FILIPINA DI BAWAH ARROYO

Nidzam Sulaiman
(Malaysia)

Pengenalan

Pilihan raya Presiden Filipina pada bulan Jun 2004 lalu telah menyaksikan kemunculan semula Gloria Macapagal Arroyo sebagai Presiden Filipina. Beliau telah menang dengan majoriti lebih kurang satu juta undi mengalahkan lawannya Fernando Poe, yang juga bintang filem Filipina yang terkenal. Ramai yang melihat kehadiran Fernando Poe sebagai bayangan Estrada yang telah dipenjarakan kerana terlibat dengan masalah korupsi semasa beliau menjawat kerusi Presiden.

Sebenarnya, inilah pertama kali Arroyo berjaya dalam pilihan raya menjadi presiden. Pelantikan beliau sebagai presiden terdahulu menjadikannya Presiden Filipina yang ke 14. Pelantikan ini sebenarnya bukan terhasil daripada kemenangan pilihan raya tetapi kerana kejatuhan Estrada dari kerusi tersebut kesan daripada pemberontakan orang ramai pada tahun 2000. Secara kebetulan, Arroyo pada waktu itu menjadi Naib Presiden dan mengikut perlembagaan memang beliau layak memangku jawatan Presiden dan itulah yang berlaku selepas itu.

Beliau pernah menyatakan bahawa beliau tidak berhasrat untuk bertanding dalam pilihan raya baru-baru ini dan menyifatkan politik Filipina sebagai 'penuh racun'. Namun, beliau kemudian bertukar fikiran dan meneruskan hasrat tersebut. Ternyata keputusannya itu tidak merugikan kerana beliau masih mendapat sokongan popular dan menang dalam pilihan raya tersebut. Arroyo berharap supaya peluang kali kedua ini

memberinya ruang untuk memenuhi janji dan harapan yang gagal dilaksanakan dalam penggal sebelum ini.

Arroyo yang kini berumur 58 tahun, sebenarnya tidak asing lagi dalam dunia pemerintahan negaranya. Ayahnya, dahulu adalah Presiden Macapagal Presiden Filipina yang kesembilan. Beliau memerintah pada waktu Filipina sedang berusaha keluar daripada kemiskinan dan menuju kepada pembangunan. Arroyo telah dididik dalam keluarga elit dan mendapat pengalaman yang luas dalam bidang politik dan pentadbiran. Beliau memiliki ijazah sarjana dan kedoktoran dalam bidang ekonomi dan merupakan rakan sekelas Clinton, iaitu bekas Presiden Amerika Syarikat semasa belajar di Universiti Georgetown di Washington DC suatu waktu dahulu. Beliau menjadi Naib Presiden pada tahun 1998 dalam kerajaan Estrada dan sebelum itu pernah dilantik menganggotai kabinet kerajaan Filipina semasa pemerintahan Ramos dan Aquino. Arroyo berjaya menjadi senator pada tahun 1992 dan menang tiga tahun berturut-turut. Pengalaman seumpama ini telah banyak membantu beliau dalam mentadbir Filipina.

Semasa menganggotai kabinet beliau telah dipertanggungjawabkan merancang pembangunan ekonomi negara itu ternyata ini bukan satu tugas yang mudah. Terutamanya dalam keadaan Filipina yang begitu terhimpit dalam kemelut kemiskinan. Negara ini memiliki penduduk yang begitu ramai dengan jumlah penduduk seramai 80 juta orang. Usaha untuk mengurangkan kadar kelahiran tidak dilaksanakan langsung kerana bimbang bertentangan dengan ajaran Khatolik yang didukung oleh sebahagian besar penduduk negara itu. Kadar pertambahan penduduk Filipina adalah yang tertinggi di Asia dan dengan kadar ini jumlah penduduk boleh bertambah sekali ganda dalam masa tiga dekad.

Kadar kemiskinan negara tersebut tinggi. Begitu juga dengan kadar pengangguran dan keciciran sekolah. Negara itu juga tidak memiliki banyak bahan mentah yang berharga untuk dipasarkan. Dalam pada itu bidang pertanian juga tidak produktif. Hanya kelapa dan balak yang dieksport menjadi bahan utama ekonomi negara itu di samping bahan elektronik hasil keluaran kilang pemodal asing. Sebahagian besar hasil pendapatan Filipina terkumpul daripada penghantaran wang pulang ke kampung oleh buruh negara itu yang bekerja di luar negara. Ramai warga negara Filipina keluar dari negara itu bagi mendapatkan pekerjaan. Antara destinasi utama mereka ialah Amerika Syarikat, negara Arab, Eropah dan tidak kurang juga yang ke Malaysia. Kebanyakannya bekerja sebagai pembantu rumah.

Masalah Selatan Filipina

Wilayah Selatan Filipina merupakan satu kawasan yang dihuni oleh ramai penduduk Muslim. Pulau Mindanao merupakan pulau terbesar di wilayah ini dan warga Muslim yang majoriti di pulau ini telah membina suatu semangat atau identiti Muslim Filipina yang agak terasing daripada masyarakat keseluruhan. Mereka boleh berbahasa Tagalog yang menjadi bahasa rasmi negara Filipina. Namun, kerana kelainan agama, berpisah secara geografi serta pengasingan dalam pentadbiran dan sebagainya telah menonjolkan sentimen yang tinggi di kalangan mereka. Subbudaya politik yang terjelma dalam masyarakat ini kadangkala mencabar budaya politik perdana menjadikan wilayah ini sering meledak dengan pertempuran dan keganasan.

Terdapat beberapa kelompok bergerak bagi menuntut kebebasan daripada negara Filipina. Walau bagaimanapun, kumpulan ini mempunyai tujuan yang pelbagai dan tidak sehaluan. Ada yang menuntut autonomi wilayah tetapi ada juga yang menuntut kemerdekaan penuh. Dalam pada itu, terdapat juga kelompok yang bergerak dalam bentuk keganasan yang secara lazimnya menculik dan menuntut tebusan dalam bentuk wang ringgit. Ini yang menjadikan perbincangan mengenai gerakan di selatan negara ini kompleks.

Gerakan MNLF atau Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro yang dipimpin oleh Nur Misuari merupakan gerakan yang sudah lama wujud. Pada peringkat awal dahulu, mereka menuntut wilayah yang merdeka dengan nama Morolandia dan pernah bergerak secara militan. Walau bagaimanapun, telah berlaku banyak perubahan pada dekad 1990-an apabila perbincangan dengan pemerintah telah menyaksikan persetujuan membina wilayah autonomi di selatan negara ini. Misuari dilantik menjadi gabenor di wilayah ini sejak 1996 tetapi sejarah telah menunjukkan kedudukan beliau tidak berpanjangan. Beliau mengalami masalah dalaman MNLF dan dilucut daripada menjadi pemimpin pertubuhan dan gabenor pada tahun 2001. Kini, Misuari telah ditahan dan pentadbirannya didakwa banyak dicemari dengan perbelanjaan yang berlebihan.

Gerakan MILF atau Gerakan Pembebasan Islam Moro pula kemudian bergerak lebih aktif bagi memperjuangkan pembebasan wilayah ini. Gerakan ini dipimpin oleh Hashim Salamat dan memiliki anggaran 12,500 anggota. Berdasarkan namanya sahaja telah menggambarkan betapa asas Islam mendasari parti ini dan bukan lagi nasionalisme. Ia merupakan satu kelompok utama yang keluar dari MNLF apabila pertubuhan itu mengadakan persetujuan untuk meletakkan senjata pada tahun 1987 di atas pemberian

autonomi wilayah kepada mereka. MILF berkeras untuk berjuang secara kekerasan dan tidak melihat autonomi sebagai memadai. Gerakan pembebasan Muslim ini telah banyak memberikan tekanan kepada kerajaan Filipina. Pada tahun lepas sahaja gerakan ini telah didakwa meletupkan lapangan terbang di Kota Davao yang mengakibatkan lebih 20 orang terkorban. Sebenarnya terdapat beberapa insiden pengeboman yang dikaitkan dengan gerakan ini, namun ia tidak dapat dibuktikan. Gerakan ini juga telah menafikan pendakwaan terhadap mereka berhubung penglibatan mereka dalam beberapa kes, salah satunya ialah pengeboman di timur kota Zamboanga, Oktober 2003.

Pergerakan pembebasan wilayah selatan atau gerakan Muslim dicemari pula oleh gerakan militan Abu Sayyaf. Gerakan yang berpusat di Jolo ini melaungkan perjuangan untuk kemerdekaan penduduk Islam di selatan Filipina, namun kebanyakan tindakannya tidak bergerak untuk kemerdekaan wilayah ini. Gerakan ini banyak melakukan gerakan penculikan dan tuntutan tebusan daripada pihak tertentu. Dengan kata lain ia lebih mirip bersifat lanun daripada bersifat nasionalis. Sehingga kini rakyat Amerika Syarikat, Jerman dan Malaysia pernah diculik dan tuntutan tebusan telah berakhir dengan pelbagai insiden. Ada yang dibayar dan tidak kurang juga yang berakhir dengan pembunuhan. Gerakan ini selalu dikaitkan dengan gerakan Al-Qaeda dan Osama bin Laden walaupun dakwaan ini belum dapat dibuktikan lagi. Secara tidak langsung ia telah memberi imej negatif kepada gerakan yang berasaskan nama Islam.

Penyelesaian Konflik

Dalam kepelbagaian inilah Arroyo terpaksa mencari perdamaian. Perjuangan yang terdapat dalam wilayah ini sudah berakar umbi sejak Filipina merdeka. Sentimen dan

cita-cita mereka sudah tidak boleh dipisahkan daripada masyarakat ini. Komuniti yang diimajinasikan sudah terpahat di dalam sanubari dan tidak akan goyah walau dengan penghantaran platon atau batalion militer. Dalam tempoh sepenggal dua menjawat kerusi presiden sudah tentu Arroyo tercah-cari formula.

Walau bagaimanapun sebelum ini sudah ada beberapa ikhtiar yang boleh dijadikan panduan. Mungkin beliau boleh memilih yang mana terbaik dan paling selamat. Rambut mesti ditarik dari tepung namun tepung tidak harus berkisar. Wilayah yang merumitkan seperti ini perlu ditangani secara hati-hati kerana ia sensitif, merbahaya, menjadi perhatian dunia dan boleh menggegarkan kerusinya.

Pernah satu waktu sebelum menghadapi pilihan raya beliau bertindak menerima bantuan Amerika Syarikat dalam menangani hal ini. Secara kebetulan selepas insiden 11 September, negara kapitalis besar ini konon berusaha gigih cuba menghapuskan sebarang gerakan terrorisme dan dengan itu berpakat dengan Filipina untuk menghapuskan gerakan sedemikian di negara tersebut. Amerika Syarikat kemudian telah menghantar pasukan tentera untuk memburu gerakan keganasan di wilayah selatan ini. Ternyata misi ini gagal apabila gerakan penculikan masih berterusan. Sebaliknya Arroyo yang dikecam kerana menjemput kuasa luar ke negaranya; satu isu yang sensitif di negara ini sejak tertutupnya pengkalan tentera udara Clark dan pengkalan tentera laut Subic. Walau bagaimanapun kerajaan pimpinan beliau cuba menangkis bahawa kehadiran tentera ini hanya sebagai gerakan latihan dan panduan dan tidak bersama dalam gerakan memburu.

Arroyo juga mempunyai pilihan yang lebih bersifat diplomatik. Beliau pernah berbincang dengan Perdana Menteri Malaysia Dr Mahathir pada bulan Jun 2003 untuk memberi ruang kepada beliau menjadi orang tengah dalam perundingan keamanan antara

kedua-dua pihak ini. Dr Mahathir menawarkan diri dan sanggup melakukannya. Namun usaha seperti ini tidak mendapat sambutan baik di Filipina dan kelihatan terbengkalai setakat rundingan antara kerajaan dengan kerajaan (*G to G*) sahaja.

Satu cara lain ialah dengan penggunaan tentera secara habis-habisan. Ini adalah merupakan jalan terakhir yang perlu dilaksanakan. Pengajaran yang dilihat melalui beberapa contoh lain seperti di Iraq kini, di Timur Sri Lanka, Palestine atau Chechnya ternyata tidak membuahkan hasil yang baik. Apa yang membimbangkan ialah ia boleh mendatangkan lebih banyak kerugian apabila bilangan kematian tentera meningkat. Ternyata ia memberikan imej presiden tidak popular dan membahayakan kerusinya. Dunia juga akan memberi tafsiran negatif kepada negara ini.

Sepatutnya alternatif autonomi wilayah adalah yang terbaik. Wilayah ini tidak dimerdekakan tetapi mereka diberi hak dalam menguruskan beberapa bidang kuasa terutamanya dalam urusan yang lebih domestik dan persendirian. Persoalan budaya, agama, bahasa, sekolah, hasil bumi dan kerajaan tempatan harus diautonomikan sahaja manakala persoalan mengenai hubungan luar, perdagangan antarabangsa, kewangan, keselamatan dalam negara dan ketenteraan kekal menjadi milik Manila bersama-sama dengan beberapa bidang lain yang penting. Dalam penyelesaian ini mereka mendapat apa yang mereka tuntutan dan Manila juga tidak kehilangan wilayah dan masih boleh menguruskan beberapa perkara penting dalam negara tersebut di wilayah ini.

Cabaran dan Kesimpulan

Arroyo sebenarnya menghadapi banyak sekali cabaran dalam memerintah negara yang sentiasa dalam krisis ini. Beliau bukan merupakan pemimpin yang mantap atau memiliki ciri kepimpinan yang menakjubkan. Penggal yang lalu tidak melahirkan sebarang kebanggaan. Beliau hanya menjadi presiden kerana muncul dalam kekosongan tinggalkan Estrada. Bekas Presiden Ramos tidak boleh bertanding lagi. Enrille yang suatu waktu dahulu menjadi orang kuat Marcos masih aktif dalam politik tetapi tidak lagi berada di dalam barisan kerajaan. Imelda Marcos tidak lagi menjadi pilihan popular. Dengan itu Arroyo menjadi pilihan yang ada. Fernando Poe bekas bintang filem cuba memberi alternatif kepada rakyat Filipina, namun ternyata asal dunia filem ini tidak cukup kuat untuk menjadi aset kepada beliau. Rakyat Filipina ternyata tidak mahu pisang berbuah dua kali. Setelah menang timbul isu beliau cuba mempengaruhi suruhanjaya pilihan raya negara itu semasa menghadapi pilihan raya tersebut. Dakwaan ini telah melahirkan gerakan penentangan yang besar sehingga membawa perarakan besar-besaran di jalanan. Dalam menghadapi kemelut ini juga muncul insiden tentera Amerika yang berada di sana melakukan jenayah terhadap wanita tempatan. Beliau ternyata tersepit antara hubungan diplomasi dengan negara besar itu dengan tekanan masyarakat sivil Filipina.

Masalah selatan Filipina dengan itu bukan satu-satunya masalah kepada Arroyo. Beliau juga mendapati gerakan komunis masih kuat di negara ini. New Peoples Army yang sudah bergerak dari era perang dingin masih tidak hilang taringnya lagi. Sudah banyak insiden keganasan yang meletus di negara ini dicetuskan oleh gerakan ini, dan ancumannya tidak boleh dipandang remeh. Pada bulan Ogos 2003 kumpulan militan

komunis ini telah menyerang markas tentera di wilayah Bukidnon dan berjaya merampas senjata tentera di kem itu.

Arroyo amat memerlukan khidmat tentera, namun beliau tidak boleh terlalu bergantung kepada institusi tersebut. Pada tahun 2004, cubaan pembelotan tentera meletus dan Arroyo sangat bernasib baik apabila cubaan tersebut dapat dipatahkan. Lebih 300 tentera bertindak merampas sebuah hotel di Manila dan menuntut beliau meletak jawatan. Pembelotan seperti ini sangat bahaya kepada seseorang pemimpin. Tentera merupakan institusi terpenting dalam keselamatan negara dan kedudukan seseorang pemimpin. Apabila tentera sendiri cuba menjatuhkan pemimpin, maka ia boleh menjadi ancaman yang serius kepadanya.

Di samping itu, masalah ekonomi yang lemah adalah masalah berterusan yang menghantui mana-mana presiden negara ini, dan ini yang sedang dipikul oleh Arroyo. Ekonomi Filipina lemah. Pendapatan negara tidak bertambah dengan baik, sebaliknya jumlah hutang negara menjadi semakin banyak. Perdagangannya mendatar sahaja akibat hasil yang tidak merangsang ekonomi. Kadar kemiskinan dan pengangguran tinggi. Dalam keadaan seperti ini orang ramai meletakkan harapan yang tinggi kepada kerajaan. Namun tindakan kerajaan amat lemah dan menyebabkan rakyat kecewa.

Ia memberikan impak yang tidak baik bagi kedudukan seorang presiden kerana rakyat Filipina memiliki hak dan kuasa mengundi yang sangat tinggi yang digambarkan melalui slogan *Peoples Power* sejak zaman pemerintahan Corazon Aquino lagi. Justeru, dalam keadaan ini, Arroyo meneruskan perjuangan walaupun keadaannya masih belum pasti lagi.

